

## PENGAJARAN AKIDAH ISLAM TERHADAP SAUDARA BAHARU DI INSTITUT DAKWAH ISLAMIAH PERKIM (IDIP): SATU KAJIAN KES

***Mohd Faris Hakimi Shahimi & Ahmad Yunus Kasim***

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*faris\_jmkhar1112@yahoo.com*

### ABSTRACT

Faith education is the most important aspect of identity construction or conversion of muslim converts as strong. The weakness of faith lead the life of converts tatters, confused and difficult in practicing Islam and tend to go back to previous religion. Thus, this research aims to review the teaching of Islamic akidah towards converts in Institute of Islamic Dakwah (IDIP) PERKIM Kelantan. This study also aims to identify the level of Islamic akidah understanding among converts in IDIP. This is a case study using a qualitative approach while supported by quantitative data. A total of five lecturer's subjects and four MSP student have been chosen as respondents for document interview. The verbatim quotation data corresponds with observation and document analysis data. The data are analysed using constant comparison of teaching PAI using N'vivo 11.0 software to identify lecturer's teaching characteristics in Islamic akidah subject. In addition, a total of 51 SAP students whose learning the Islamic akidah subject are chosen to view the features of teaching PAI through questionnaires. Then, this data are analysed descriptively using SPSS 23.0 software. Qualitative and quantitative data demonstrate the same pattern of teaching, such as vision and mission, planning and implementation, use of methods, use of BBM, teaching cover and ICT skills. This study also finds that there are PAI extraneous factors that contribute toward the features of teaching Islamic akidah. Pattern findings of this study have produced model for teaching Islamic akidah for converts IDIP. In overall, the model that have been produce can served as a guide in teaching toward converts thus to build self-esteem with the strong faith.

Keyword: *the same pattern of teaching, lecturers, Muslim converts, model for teaching*

### ABSTRAK

Pendidikan akidah adalah aspek terpenting dalam pembentukan jati diri saudara baru sebagai muslim yang kuat. Kelemahan akidah menyebabkan kehidupan saudara baru terumbang ambing, keliru dan sukar dalam mengamalkan ajaran Islam serta cenderung untuk kembali menganut agama asal. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji ciri-ciri pengajaran pensyarah akidah Islam terhadap saudara baru di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) Kelantan. Kajian ini juga mengenal pasti tahap pengetahuan akidah Islam terhadap saudara baru di IDIP. Kajian ini adalah satu kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif yang disokong oleh data kuantitatif. Seramai lima orang pensyarah dan empat orang pelajar MSP dipilih sebagai responden temu bual kajian ini. Data verbatim temu bual ini pula disokong oleh data pemerhatian dan data analisis dokumen. Data ini dianalisis dengan teknik perbandingan berterusan terhadap pengajaran pensyarah menggunakan perisian N'Vivo 11.0 bagi mengenal pasti ciri-ciri pengajaran pensyarah dalam mata pelajaran akidah Islam. Selain itu, seramai 51 orang pelajar SAP yang mengambil mata pelajaran akidah Islam dipilih untuk melihat ciri-ciri pengajaran pensyarah melalui soal selidik. Data ini kemudiannya dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS 23.0. Data kualitatif dan kuantitatif menunjukkan pola yang sama iaitu daripada ciri-ciri pengajaran seperti visi dan misi, perancangan, set induksi, penggunaan kaedah, penggunaan BBM, penilaian dan penutup pengajaran serta kemahiran ICT. Kajian juga mendapati bahawa terdapat faktor luaran PAI yang memberikan sumbangan terhadap ciri-ciri pengajaran akidah Islam saudara baru. Pola-pola

dapatan kajian ini telah menghasilkan model pengajaran akidah Islam saudara baru di IDIP. Secara keseluruhan, model yang terhasil ini boleh dijadikan panduan khusus dalam pengajaran kepada saudara baru serta dapat membina jati diri dengan pegangan akidah yang kukuh.

Kata kunci: *ciri-ciri pengajaran akidah, pensyarah akidah Islam, saudara baharu, model pengajaran akidah*

## **PENDAHULUAN**

Islam adalah agama yang syumul (menyeluruh) dalam segenap aspek dan berperanan membimbing manusia ke arah kehidupan yang bermoral dari segi jasmani dan rohani. Konsep syumul yang dimiliki dalam Islam menjadi senjata utama muslim dalam menyeru golongan yang bukan Islam kembali kepada agama fitrah. Sifat syumul (menyeluruh) dalam agama Islam, bukan sahaja kerana ajarannya yang serba lengkap, tetapi juga bersifat kontemporari sesuai dengan tabiat dan fitrah kejadian manusia (Noor Amani; Haliza dan Khatijah, 2010).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Keyakinan akidah tidak terbentuk dengan mudah kerana ianya sesuatu yang mantap di lubuk hati yang memerlukan kejelasan fikiran yang dikukuhkan dengan dalil-dalil naqliyyah dan ‘aqliyyah sehingga menghilangkan sebarang keraguan. Dalil-dalil ini semestinya diterima akal dengan penuh kerelaan dan ketenangan. Oleh itu pengajaran akidah memerlukan penggunaan bahasa, contoh dan bukti yang mudah difahami, idea yang bernas dan penggunaan ayat al-Quran yang berkaitan dengan tajuk yang dibincangkan untuk mensabitkan hujah akal dan memberi kesan kepada akal secara maksimum.

Kaedah pengajaran yang sesuai perlu untuk saudara baru kerana saudara baru merupakan golongan yang memerlukan bimbingan asas dan berterusan. Pelbagai kelemahan kaedah pengajaran terhadap saudara baru berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya ialah masalah tenaga pengajar, kekangan kandungan silibus pengajaran yang perlu disampaikan berbanding dengan tempoh masa yang terhad (Noraini; Mariam & Ain, 2017). Masalah berkaitan tenaga pengajar berlaku apabila kelemahan penguasaan kaedah pengajaran saudara baru dan tidak berkemahiran dalam bidang pengajaran saudara baru (Siti Fathimatul Zahrah & Nur Masyaa’il, 2015). Merujuk Mohd Zaid dan Ahmad Asmadi Sakat (2010) mendapati bahawa sehingga kini masih tidak terdapat satu kaedah mahupun garis panduan yang khusus untuk digunakan oleh para pengajar muallaf menyebabkan kaedah pembelajaran dan pengajaran diserahkan sepenuhnya kepada pengajar. Kenyataan ini menunjukkan bahawa para pengajar perlu menyampaikan pelajaran dengan kaedah dan cara penyampaian yang tersendiri mengikut kemampuan pengajar itu sendiri.

Dapatan kajian yang lebih membimbangkan ialah kaedah pengajaran akidah dianggap “kering” dan tidak mencapai matlamat untuk mengesani jiwa murid. Sepatutnya pendidikan akidah diperkukuhkan dengan pendekatan yang berkesan agar murid sentiasa sedar bahawa Allah Maha Mengetahui, Maha Melihat, Maha Mendengar, Kekal, Berkuasa dan sebagainya. Kefahaman saudara baru dalam pembelajaran akidah tidak boleh diabaikan kerana kefahaman akidah yang kukuh mampu mengelakkan saudara baru daripada pengamalan yang bertentangan dengan Islam. Sekiranya pendidikan akidah diabaikan, ia boleh meningkatkan risiko saudara baru mengamalkan sebarang adat istiadat lama dan lebih parah lagi adalah masalah saudara baru kembali kepada agama asal lantaran tidak faham terhadap ajaran agama Islam (Ahmad Yunus, 2015).

Pengajaran dalam pelajaran Pendidikan Islam pada dasarnya adalah untuk menerapkan nilai murni dan membentuk sikap pelajar menjadi manusia yang berguna. Dalam konteks ini apa jua kaedah pedagogi yang sesuai boleh digunakan selagi tidak bercanggah dengan prinsip Islam, terutamanya dalam bidang akidah (Kamarul Azmi: Halim Tamuri, 2007). Justeru itu, jelaslah bahawa pendidikan akidah merupakan aspek terpenting yang harus diberi perhatian oleh semua pihak agar mensyarakat saudara baru di negara ini dapat benar-benar menghayati kepentingan dan keistimewaan akidah Islam (Ahmad Yunus, 2015). Kajian ini bertujuan meneroka proses pengajaran pendidikan Islam khususnya dalam bidang akidah secara mendalam terhadap golongan muallaf atau pun saudara baru.


### **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan meneroka secara mendalam dan meneliti pengajaran pensyarah akidah Islam (PAI) terhadap saudara baru yang diamalkan di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Secara khususnya, antara aspek yang diteroka untuk mencapai objektif-objektif kajian seperti berikut:

1. Meneroka pengajaran pensyarah akidah Islam dalam kalangan saudara baru.
2. Mengenal pasti persepsi saudara baru terhadap pengajaran pensyarah akidah Islam.
3. Mengenalpasti tahap pengetahuan akidah Islam terhadap saudara baru.
4. Mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan akidah Islam saudara baru berdasarkan demografi (jantina).
5. Mengenal pasti hubungan antara pengajaran pensyarah dengan tahap pengetahuan akidah Islam saudara baru.

### **DAPATAN KAJIAN**

Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisa ciri-ciri pengajaran akidah Islam di samping menganalisa sejauh mana tahap pengetahuan akidah pelajar-pelajar saudara baru ini memberi sumbangan kepada pembangunan dakwah Islamiah di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP). Penyelidikan ini adalah bersifat deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan sebagai metode penyelidikan. Walau bagaimanapun penyelidikan ini turut menggabungkan dapatan-dapatan daripada data-data kuantitatif dan dapatan data-data kualitatif. Ia bertujuan merentas kesahan data penyelidikan yang telah dibuat dan mengukuhkan kefahaman terhadap fenomena yang diselidiki melalui kaedah triangulasi (Cohen et.al, 2000). Seramai lima orang pensyarah yang mengajar mata pelajaran akidah Islam dan empat orang pelajar MSP serta 51 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran akidah Islam telah terlibat dalam penyelidikan ini.



Rajah 4.1: Hubungan pengajaran akidah saudara baru dengan ciri-ciri pengajaran, kemahiran, faktor dalaman dan luaran PAI di IDIP.

Secara keseluruhannya penyelidik mengadakan temu bual bersama dengan tiga orang pensyarah lelaki dan dua orang pensyarah perempuan serta dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan wakil Majlis Syura bagi mengumpul data kualitatif manakala bagi mengumpul data kuantitatif seramai 51 orang pelajar. Strata yang dipilih dalam penyelidikan ini pula adalah semua pelajar sijil SAP yang mengambil mata pelajaran akidah Islam di institusi tersebut. Profil responden kajian yang terlibat dalam kajian ini berdasarkan jantina menunjukkan seramai 28 orang responden kajian daripada pelajar lelaki dan seramai 23 orang daripada pelajar perempuan. Ini menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih ramai terlibat di dalam kajian ini berbanding dengan pelajar perempuan.

Dapatan penyelidikan yang telah dibincangkan menghasilkan dua pola pengajaran akidah Islam saudara baru, satu pola ciri pengajaran akidah Islam dan kemahiran ICT dan satu pola

ciri faktor luaran yang membantu kepada pengajaran akidah saudara baru di IDIP. Selain faktor luaran, terdapat juga faktor dalaman yang tidak difokuskan dalam pembentukan pola dalam penyelidikan ini. Namun, hubungan faktor ini juga merupakan hubungan yang tidak boleh dikesampingkan dan ditinggalkan. Gambaran hubungan pengajaran akidah saudara baru dengan ciri-ciri pengajaran, kemahiran ICT, faktor dalaman dan luaran PAI di IDIP boleh digambarkan sebagaimana dalam Rajah 4.1. Secara ringkas apa yang boleh dirumuskan daripada keseluruhan dapatan kajian ini bahawa pengajaran akidah Islam saudara baru adalah tujuh ciri-ciri pengajaran iaitu visi dan misi pengajaran, rancangan pengajaran, set induksi pengajaran, kaedah dan teknik pengajaran, penilaian pengajaran, penutup pengajaran dan bahan bantu mengajar serta satu kemahiran ICT.

Secara keseluruhannya, ketujuh-tujuh ciri pengajaran ini saling berhubung dari satu aspek kepada satu aspek yang lain dengan pengajaran akidah Islam saudara baru dan mempunyai hubungan sehalu atau dua hala dengan faktor dalaman dan luaran PAI. Sebagai contoh, pengalaman PdP dan latar belakang pendidikan yang membentuk diri sendiri PAI manakala diri sendiri PAI membantu dalam hubungan mereka dengan saudara baru. Dalam menghasilkan pengajaran akidah Islam saudara baru, pengalaman PdP dan latar belakang pendidikan sangat penting untuk memastikan ciri-ciri pengajaran seperti visi dan misi pengajaran, rancangan pengajaran, set induksi pengajaran, kaedah dan teknik pengajaran, penilaian, penutup pengajaran dan bahan bantu mengajar yang disediakan oleh PAI bersesuaian dengan saudara baru. Seterusnya, pengalaman PdP turut dapat meningkatkan kemahiran PAI dan seterusnya kemahiran ICT pula membantu melicinkan perjalanan PdP. Selepas itu, hubungan juga berlaku antara kemahiran ICT dengan bahan bantu mengajar. Melalui kecekapan dalam banyak kemahiran ICT yang mereka miliki, secara tidak langsung setiap bahan bantu mengajar berkaitan ICT dapat diaplikasikan dengan baik dan melicinkan lagi segala usaha dan pekerjaan mereka dalam mendidik saudara baru.

Manakala hubungan antara ciri-ciri pengajaran dan faktor dalaman dapat dilihat berlaku pada semua ciri PdP akidah Islam saudara baru sama ada dalam bentuk sehalu atau dua hala. Corak PdP dilihat saling berkait dengan diri PAI secara berterusan. Namun, PdP ini terbukti terbentuk secara terus berasaskan latar belakang pendidikan dan pengalaman berkhidmat sebagai pensyarah akidah Islam. Selain hubungan dengan faktor dalaman, hubungan dengan faktor luaran PAI juga mempunyai hubungan yang signifikan dalam bentuk sehalu. Terdapat hubungan saling berkait antara PAI dengan pelajar dalam PdP, masing-masing saling memerlukan untuk membentuk PdP akidah Islam saudara baru. Faktor IDIP juga antara penyumbang keberkesanan PAI dalam PdP dari aspek kemudahan dan persekitaran belajar, kelas, surau serta kawalan disiplin di institusi tersebut. Akhir sekali, kesemua faktor dalaman dan luaran yang saling berkait antara satu sama lain ini telah mencorak tujuh ciri dan satu kemahiran PdP akidah Islam saudara baru.

## **ANALISIS PERBEZAAN**

SK4 Apakah perbezaan tahap pengetahuan akidah Islam berdasarkan demografi (jantina)?

Hipotesis bagi soalan kajian 6:

Hol - Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap pengetahuan akidah Islamiah berdasarkan jantina.

Jadual 5.1: *Ujian –T Perbezaan tahap pengetahuan akidah Islamiah berdasarkan jantina.*

Jantina	N	Min	S.P	Nilai-t	Sig.P
Lelaki	28	4.66	0.28	-.40	0.691
Perempuan	23	4.69	0.21	-.41	

Signifikan pada paras  $p < 0.05$

Hasil ujian-t test bagi menguji perbezaan skor min tahap pengetahuan akidah Islamiah dalam kalangan responden berdasarkan jantina yang berbeza dipaparkan dalam jadual 5.1. Hasil ujian-t seperti dalam jadual 5.1 diatas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $p = 0.691$ ,  $p < 0.05$ ) dalam tahap pengetahuan akidah antara pelajar lelaki (min=4.66, s.p=0.28) dengan pelajar perempuan (min=4.69, s.p=0.21). Dengan ini, Ho1 adalah tidak diterima.

## ANALISIS KORELASI

SK5 Apakah hubungan antara pengajaran pensyarah dengan tahap pengetahuan akidah Islam pelajar?

Hipotesis Nol bagi soalan kajian 7:

Ho4 – Terdapat hubungan yang signifikan antara proses pengajaran pensyarah dengan tahap pengetahuan akidah pelajar.

Jadual 6.1: *Hubungan yang signifikan antara proses pengajaran pensyarah dengan tahap pengetahuan akidah.*


Item	R	Sig.P
Visi dan Misi Pengajaran * Tahap pengetahuan akidah	0.383	0.006
Set Induksi * Tahap pengetahuan akidah	0.336	0.016
Kaedah pengajaran* Tahap pengetahuan akidah	0.119	0.405
BBM * Tahap pengetahuan akidah	0.267	0.058
Refleksi * Tahap pengetahuan akidah	0.170	0.234
Proses Pengajaran Tahap pengetahuan akidah	0.318	

Analisis kolerasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara proses pengajaran dan pengetahuan akidah dalam kalangan responden ini seperti dalam jadual 6.1 di atas menunjukkan terdapat dua item yang mempunyai hubungan yang sangat lemah iaitu antara kaedah pengajaran dengan tahap pengetahuan akidah ( $r = 0.119$ ,  $p = 0.405$ ) dan refleksi pengajaran dengan tahap pengetahuan akidah ( $r = 0.170$ ,  $p = 0.234$ ). Manakala beberapa item yang lain menunjukkan mempunyai hubungan tetapi lemah iaitu antara visi dan misi pengajaran dengan tahap pengetahuan akidah ( $r = 0.383$ ,  $p = 0.006$ ), antara set induksi pengajaran dengan tahap pengetahuan akidah ( $r = 0.336$ ,  $p = 0.016$ ) dan akhir sekali antara bahan bantu mengajar dengan tahap pengetahuan akidah ( $r = 0.267$ ,  $p = 0.058$ ).

## RUMUSAN

Pandangan al-Ghazali (t.t), Dunken dan Biddle (1974) yang menjadi asas kepada kerangka kajian ini didapati selari dengan hasil dapatan. Namun begitu ciri bagi setiap kategori kerangka

kajian ini khususnya yang berkaitan dengan ciri pengajaran akidah yang berkesan dan baik pada umumnya masih dalam peringkat teori yang belum dapat dibuktikan dengan kajian saintifik di lapangan. Model pengajaran pensyarah akidah Islam saudara baru (MPPAISB) terhasil daripada pola Pdp PAI dalam kajian ini. Pada zahirnya, model MPPAISB ini tidak menampakkan sebarang kekuatan kerana segala bentuk persediaan, pelaksanaan dan senarai amalannya adalah sesuatu yang lazimnya ada pada teori yang telah sedia ada.



Rajah 7.1: Model pengajaran pensyarah akidah Islam saudara baru (MPPAISB)

Namun pada hakikatnya, kekuatan sebenar model ini adalah pada visi dan misi serta perancangan modul mengikut tahap keupayaan para pelajar. Kekuatan perancangan dan persediaan PdP MPPAISB ini berpaksikan kepada keinginan pencapaian iaitu visi dan misi yang dikehendaki oleh pensyarah terhadap para pelajarnya. Niat yang betul beserta perancangan dan pelaksanaan PdP, mampu membuahkan hasil seperti apa yang diniatkan (al-Bukhari, 1987; 1, 6195, 6439; Muslim, 1972: 3530).

Sedangkan perancangan modul pula ialah penyediaan modul oleh guru berdasarkan tahap kognitif pelajar, iaitu cemerlang, sederhana dan lemah. Ini bermaksud, para guru perlu merancang modul mereka sendiri sebelum mempraktikkan model MPPAISB ini. Berdasarkan rajah 7.1 MPPAISB merupakan pola proses pengajaran PAI yang dihasilkan dengan sedikit pengubahsuaian daripada pola PdP PAI iaitu PAI 1-PAI 5. MPPAISB ini bermula daripada visi dan misi PdP seterusnya persediaan PdP dibina sebelum masuk ke dalam kelas. Proses PdP di dalam kelas pula berjalan bermula dengan set induksi sehinggalah kepada sesi penutup. Elemen utama MPPAISB telah dijelaskan bagi setiap peringkat. Elemen ini merupakan perkara asas yang perlu ada bagi mencapai PdP mengikut model MPPAISB.

## **SENARAI RUJUKAN**

### Al-Quran

- Ahmad Yunus (2015) *Pengetahuan pedagogical Kandungan PPK Pengajaran Akidah dalam kalangan muallaf atau saudara baru di Institut Dakwah Islamiah PERKIM*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Ghazali al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali (1988). t .th. *Ihya' 'ulum al-din*. Jil. 1-5. Misr: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Cohen, L.; Manion, L. & Morrison, K (2000) *Research methods in education*. Fifth Edition. London: Routledge Falmer.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Zaid bin Mohd Zain, Dr. Ahamad Asmadi bin Sakat (2010) *Impak Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Kita (Muallaf) di PERKIM Negeri Sembilan*. International on Dakwah and Islamic Management Practice and Prospect, 23 November.
- Noor Amani Mohamed Hussin, Siti Nor Haliza Abd Zamani & Khatijah Othman (2010). *Pemantapan Modul Latihan kepada Tenaga Pengajar: Kajian kes kepada Saudara baru*.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid & Ain Nathasha Omar (2017). *Metodologi Pengajaran Muallaf di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS.
- Siti Fathimatul Zahrah Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pow (2015). *Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf: Satu Tinjauan Literatur*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor.